



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 342

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

Sebagaimana pada 1 Januari 2013

**AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN
PENYAKIT BERJANGKIT 1988**

Tarikh Perkenan Diraja	13 Ogos 1988
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	8 September 1988
Kali terakhir dipinda melalui P.U. (A) 408/2010 berkuat kuasa pada	10 Disember 2010

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 342****AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN
PENYAKIT BERJANGKIT 1988**

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I**PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II**PENTADBIRAN**

3. Pelantikan pegawai diberi kuasa
4. Pembatasan liabiliti
5. Bantuan polis, dll.

BAHAGIAN III**PENCEGAHAN PEMBAWAAN MASUK PENYAKIT BERJANGKIT**

6. Pengisytiharan kawasan jangkitan
7. Memasuki dan memeriksa kenderaan dan langkah selepas itu
8. Masa pemeriksaan
9. Membawa masuk atau membawa keluar mayat dan organisma atau bahan patogenik

BAHAGIAN IV

MENGAWAL MEREBAKNYA PENYAKIT BERJANGKIT

Seksyen

10. Kehendak supaya memberitahu tentang penyakit berjangkit
11. Pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan
12. Orang yang dijangkiti tidak boleh bertindak mengikut cara yang boleh merebakkan penyakit berjangkit
13. Pengawalan barang tercemar dan binatang yang dijangkiti
14. Pengasingan orang yang dijangkiti dan orang yang disyaki
15. Pemerhatian atau pengawasan kontak
16. Perintah bagi pemeriksaan mayat
17. Pengurusan orang mati
18. Membasmi kuman dan menutup premis
19. Pemusnahan struktur
20. Menjual atau menyewakan bangunan yang tercemar
21. Kuasa untuk memerintahkan kenderaan tertentu dibasmi kuman

BAHAGIAN V

KESALAHAN DAN PENALTI

22. Kesalahan secara amnya
23. Pendakwaan
24. Penalti am
25. Mengkompaun kesalahan

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

26. Rekuisisi premis
27. Penyitaan dan pelupusan barang tercemar dsb.
28. Mendapatkan kos dan perbelanjaan
29. Pengecualian

*Pencegahan dan Pengawalan
Penyakit Berjangkit*

5

Seksyen

30. Kuasa mengubah Jadual
31. Kuasa membuat peraturan-peraturan
32. Pindaan
33. Pemansuhan dan kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 342

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

Suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[*Seluruh Malaysia*
—1 April 1989, P.U. (B) 179/1989]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, dan adalah terpakai di seluruh Malaysia.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*; dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuat kuasanya Akta ini, atau peruntukan yang berlainan di dalamnya, di bahagian yang berlainan di Malaysia.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barang” ertinya apa-apa benda alih tidak bernyawa, termasuk makanan dan dadah dan termasuklah jugaengkapan dan lekapan;

“berinfestasi” ertinya berinfestasi dengan rodensia atau serangga berbahaya;

“imunisasi” ertinya pemasukan antigen atau antibodi tertentu ke dalam tubuh manusia dengan tujuan memberikan imuniti terhadap penyakit yang berkenaan dan termasuklah vaksinasi;

“inspektor kesihatan” ertinya mana-mana inspektor kesihatan dalam perkhidmatan Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan;

“jangkitan” ertinya kemasukan agen penyakit berjangkit ke dalam benda bernyawa dan pembiakannya dalam benda bernyawa;

“kapal” termasuklah apa-apa vesel yang digunakan dalam pelayaran mengikut jalan air;

“kenderaan” termasuklah kapal, pesawat udara, keretapi, kenderaan jalan raya dan apa-apa alat pengangkutan lain;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kesihatan;

“komander” ertinya orang yang sedang mengetuai sesuatu pesawat udara atau kapal;

“kontak” ertinya mana-mana orang yang telah terdedah atau mungkin telah terdedah kepada risiko dihindangi sesuatu penyakit berjangkit, termasuk mana-mana orang yang baru tiba dari sesuatu kawasan jangkitan;

“lapangan terbang” ertinya mana-mana kawasan darat, air atau ruang yang direka bentuk, dilengkapi, diuntukkan atau lazimnya digunakan untuk memberikan kemudahan bagi pesawat udara

berlepas dan mendarat dan termasuklah bumbung sesuatu bangunan yang direka bentuk, dilengkapkan atau diuntukkan untuk memberikan kemudahan bagi pesawat udara berlepas dan mendarat;

“makanan” termasuklah apa-apa bahan yang dimakan oleh manusia atau binatang atau apa-apa bahan yang digunakan dalam komposisi atau penyediaan mana-mana bahan sedemikian, dan termasuklah juga bahan perisa dan recahnya, tetapi tidak termasuk dadah;

“membasmi kuman” ertinya memusnahkan atau menghapuskan agen penyakit;

“membasmi serangga” ertinya operasi di mana langkah diambil untuk membunuh serangga berbahaya;

“membasmi tikus” ertinya menjadikan bebas daripada rodensia;

“organisma atau bahan patogenik” termasuklah—

(a) apa-apa binatang;

(b) apa-apa serangga berbahaya;

(c) apa-apa kuman, mikrob, bakteria, atau virus hidup;

(d) kultura apa-apa kuman, mikrob, bakteria atau virus; atau

(e) hasil apa-apa kuman, mikrob, bakteria atau virus,

yang berupaya menyebabkan apa-apa penyakit berjangkit;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana Pegawai Kesihatan, mana-mana inspektor kesihatan, atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 3;

“Pegawai Kesihatan” ertinya mana-mana pengamal perubatan dalam perkhidmatan Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan yang sedang menjalankan tugas Pegawai Kesihatan dalam mana-mana kawasan, daerah, atau kawasan pihak berkuasa tempatan,

termasuk had lapangan terbang dan pelabuhannya, dan termasuklah Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, mana-mana Timbalan Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, mana-mana Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri, mana-mana Timbalan Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri, Pengarah Perkhidmatan Perubatan Negeri Sabah dan Timbalannya dan Pengarah Perkhidmatan Perubatan Negeri Sarawak dan Timbalannya;

“pelabuhan” ertinya pelabuhan laut atau pelabuhan pelayaran pedalaman yang biasanya dikunjungi oleh kapal;

“pemerhatian” ertinya penyisihan mana-mana kontak atau orang yang disyaki menghidap apa-apa penyakit berjangkit bagi maksud menentukan sama ada dia menghidap penyakit berjangkit atau tidak, dan termasuklah rawatan orang itu;

“pencemaran” ertinya wujudnya agen penyakit berjangkit pada permukaan atau dalam benda tidak bernyawa atau pada permukaan tubuh benda bernyawa;

“pengamal perubatan” ertinya pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*];

“pengasingan” apabila dipakai bagi seseorang atau sekumpulan orang ertinya memisahkan orang itu atau kumpulan orang itu daripada orang lain, kecuali kakitangan yang bertanggungjawab atas penjagaan atau pengasingan orang yang tersebut, mengikut apa-apa cara untuk mencegah merebaknya jangkitan itu, dan termasuklah rawatan orang itu atau kumpulan orang itu;

“pengawasan” ertinya pengenaaan mana-mana orang yang tidak diasingkan kepada pemeriksaan atau siasatan berkala bagi maksud menentukan keadaan kesihatannya dan kepada syarat yang dikenakan oleh pegawai diberi kuasa bagi maksud itu;

“penyakit berjangkit” ertinya apa-apa penyakit yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“Peraturan-Peraturan Kesihatan Antarabangsa” ertinya Peraturan-Peraturan Kesihatan Antarabangsa sebagaimana yang diterima pakai oleh Perhimpunan Kesihatan Sedunia dalam tahun 1969 dan sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa;

“pesawat udara” termasuklah tiap-tiap jenis pesawat yang digunakan dalam penerbangan mengikut jalan udara;

“premis” termasuklah apa-apa struktur, kekal atau selainnya, tanah di mana struktur itu terletak, dan mana-mana tanah bersebelahan yang digunakan berkaitan dengannya, dan termasuk juga mana-mana jalan, kawasan lapang atau kenderaan;

“rawatan” termasuk segala perbuatan dan prosedur yang perlu bagi maksud menentukan sama ada seseorang itu dijangkiti penyakit berjangkit;

“rumah tumpangan” termasuklah—

(a) hotel;

(b) asrama; atau

(c) mana-mana institusi tempat berlindung atau tempat berehat bagi orang yang memerlukan jagaan;

“serangga berbahaya” ertinya apa-apa artropod yang membawa atau menyebabkan, atau berupaya membawa atau menyebabkan, apa-apa penyakit berjangkit, dan termasuklah telur, larva dan kepompong artropod itu;

“stesen kuarantin” ertinya mana-mana tempat di mana pengasingan atau pemerhatian dijalankan dan termasuklah sesuatu hospital penyakit berjangkit dan mana-mana tempat yang diisytiharkan oleh Menteri dalam *Warta* sebagai stesen kuarantin;

“wabak” ertinya kemerebakan sesuatu penyakit dengan bertambahnya kes dalam sesuatu kawasan.

(2) Apa-apa sebutan mengenai “lapangan terbang” atau “pelabuhan” termasuklah sebutan mengenai apa-apa struktur, yang kekal atau selainnya, di dalam had lapangan terbang atau pelabuhan itu.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

Pelantikan pegawai diberi kuasa

3. (1) Menteri boleh melantik mana-mana orang yang sesuai menjadi pegawai diberi kuasa bagi maksud Akta ini.

(2) Seseorang pegawai diberi kuasa apabila bertindak dalam bidang kuasa dan kewajipannya di bawah Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai seorang pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

(3) Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah memelihara kerahsiaan segala perkara yang sampai ke pengetahuannya dalam melaksanakan tugas rasminya di bawah Akta ini dan tidak boleh menyampaikan apa-apa perkara itu kepada mana-mana orang kecuali bagi maksud menguatkuasakan peruntukan Akta ini.

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa yang melanggar peruntukan subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda atau kedua-duanya.

Pembatasan liabiliti

4. (1) Tiada apa-apa jua yang dilakukan oleh mana-mana pegawai diberi kuasa bagi maksud melaksanakan Akta ini dan peraturan yang dibuat di bawahnya boleh menyebabkan pegawai diberi kuasa itu bertanggung sendiri terhadap apa-apa jua pun tindakan, liabiliti, tuntutan atau kehendak.

(2) Subseksyen (1) adalah terpakai bagi mana-mana pegawai yang bertindak di bawah seksyen 5.

Bantuan polis, dll.

5. Pegawai polis, kastam dan imigresen dan pegawai dari jabatan dan agensi kerajaan yang lain hendaklah memberikan apa-apa bantuan yang diminta oleh mana-mana pegawai diberi kuasa bagi maksud membolehkannya menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh Akta ini atau peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

BAHAGIAN III

PENCEGAHAN PEMBAWAAN MASUK PENYAKIT
BERJANGKIT

Pengisytiharan kawasan jangkitan

6. (1) Bilamana pemberitahuan diterima di bawah Peraturan-Peraturan Kesihatan Antarabangsa bahawa terdapat suatu kawasan jangkitan di luar Malaysia, Menteri boleh melalui perintah dalam *Warta* mengisytiharkan kawasan itu sebagai suatu kawasan jangkitan bagi maksud Akta ini.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), Menteri boleh, melalui perintah dalam *Warta*, mengisytiharkan mana-mana kawasan lain di luar Malaysia sebagai kawasan jangkitan.

(3) Menteri boleh, melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, menetapkan langkah-langkah yang hendak diambil untuk mencegah kemasukan apa-apa penyakit berjangkit dari sesuatu kawasan jangkitan.

Memasuki dan memeriksa kenderaan dan langkah-langkah selepas itu

7. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh—

- (a) memasuki dan membuat pemeriksaan perubatan ke atas mana-mana kenderaan pada bila-bila masa setibanya kenderaan itu di Malaysia;
- (b) membuat pemeriksaan perubatan ke atas mana-mana orang, binatang atau barang yang berada di atas mana-mana kenderaan sedemikian; dan
- (c) mengambil apa-apa sampel yang perlu bagi maksud menentukan keadaan kebersihan kenderaan atau benda itu atau keadaan kesihatan orang atau binatang itu.

(2) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh memerintahkan supaya mana-mana bahagian sesuatu kenderaan yang dia mempunyai sebab untuk percaya telah tercemar atau berinfestasi dibasmi kuman, dibasmi serangga atau dibasmi tikus sehingga pegawai itu berpuas hati.

(3) Jika semasa dia membuat pemeriksaan perubatan di bawah subseksyen (1) seseorang pegawai diberi kuasa mendapati atau mempunyai sebab untuk percaya bahawa mana-mana orang telah dijangkiti atau adalah seorang kontak, dia boleh memerintahkan supaya orang itu—

- (a) dipindahkan ke suatu stesen kuarantin dan ditahan di sana bagi pengasingan atau pemerhatian; dan
- (b) diletakkan di bawah pengawasan sehingga penyakit itu tidak lagi dapat menjangkiti orang lain.

Masa pemeriksaan

8. (1) Pemeriksaan di bawah seksyen 7 hendaklah dijalankan pada bila-bila masa yang munasabah yang ditetapkan oleh seseorang

pegawai diberi kuasa; dan pemunya mana-mana kenderaan, atau ejennya atau pekhidmatnya, hendaklah membuat apa-apa persiapan yang dikehendaki oleh pegawai diberi kuasa itu supaya pemeriksaan itu dilakukan.

(2) Pemunya mana-mana kenderaan, atau ejennya atau pekhidmatnya, yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Membawa masuk atau membawa keluar mayat dan organisma atau bahan patogenik

9. (1) Tiada seorang pun boleh dengan disedarinya membawa masuk ke dalam Malaysia atau membawa keluar dari Malaysia—

(a) apa-apa mayat, tisu manusia atau apa-apa bahagiannya; atau

(b) apa-apa organisma atau bahan patogenik atau apa-apa bahagiannya,

kecuali mengikut peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

(3) Apabila mana-mana orang dipertuduh di bawah seksyen ini, dia hendaklah dianggap telah dengan disedarinya membawa masuk atau membawa keluar mayat, tisu manusia, atau apa-apa bahagiannya atau organisma atau bahan patogenik itu atau apa-apa bahagiannya sehingga dibuktikan sebaliknya.

BAHAGIAN IV

MENGAWAL MEREBAKNYA PENYAKIT BERJANGKIT

Kehendak supaya memberitahu tentang penyakit berjangkit

10. (1) Tiap-tiap penghuni dewasa mana-mana rumah tempat terdapatnya apa-apa penyakit berjangkit, dan tiap-tiap orang yang menjaga, atau yang ada bersama dengan, dan tiap-tiap orang yang bukan pengamal perubatan yang menyelenggarakan mana-mana orang menghidap atau yang mati akibat penyakit berjangkit hendaklah, apabila dia tahu tentang wujudnya penyakit itu, memberitahu pegawai penjaga pejabat kesihatan daerah atau kemudahan kesihatan kerajaan atau balai polis yang paling hampir atau memberitahu ketua kampung yang paling hampir, seboleh-bolehnya tanpa kelengahan, tentang kewujudan penyakit itu.

(2) Tiap-tiap pengamal perubatan yang merawat atau mendapat tahu tentang wujudnya apa-apa penyakit berjangkit di mana-mana premis hendaklah memberikan notis tentang wujudnya penyakit berjangkit itu kepada Pegawai Kesihatan yang paling hampir, seboleh-bolehnya tanpa kelengahan, dalam borang yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(3) Orang yang menjaga sesuatu rumah tumpangan hendaklah memberitahu pegawai penjaga pejabat kesihatan daerah atau kemudahan kesihatan kerajaan atau balai polis yang paling hampir, seboleh-bolehnya tanpa kelengahan, jika dia tahu atau mempunyai sebab untuk percaya bahawa mana-mana orang dalam rumah tumpangan itu menghidap atau telah mati akibat penyakit berjangkit.

(4) Mana-mana pegawai polis atau ketua kampung yang menerima pemberitahuan di bawah seksyen ini hendaklah memberitahu pegawai penjaga pejabat kesihatan daerah atau kemudahan kesihatan kerajaan yang paling hampir, seboleh-bolehnya tanpa kelengahan.

(5) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

(6) Apabila mana-mana orang dipertuduh di bawah seksyen ini, dia hendaklah dianggap telah tahu tentang kewujudan penyakit berjangkit itu atau telah mempunyai sebab untuk percaya bahawa suatu penyakit berjangkit wujud, melainkan jika dia menunjukkan sehingga Mahkamah di mana dia dipertuduh berpuas hati bahawa dia tidak tahu dan tidak mungkin boleh tahu tentang penyakit berjangkit itu dengan usaha yang berpatutan atau bahawa dia tidak mempunyai sebab untuk percaya bahawa suatu penyakit berjangkit wujud.

Pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan

11. (1) Jika Menteri berpuas hati bahawa suatu penyakit berjangkit telah bermula di mana-mana kawasan di Malaysia, atau bahawa mana-mana kawasan diancam oleh wabak apa-apa penyakit berjangkit, dia boleh, melalui perintah dalam *Warta*, mengisytiharkan kawasan itu sebagai kawasan tempatan jangkitan.

(2) Menteri boleh, melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, menetapkan langkah-langkah yang hendak diambil untuk mengawal atau mencegah merebaknya apa-apa penyakit berjangkit di dalam atau dari sesuatu kawasan tempatan jangkitan.

(3) Selama berkuat kuasanya sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), adalah sah di sisi undang-undang bagi mana-mana pegawai diberi kuasa mengarahkan supaya mana-mana orang atau golongan atau kumpulan orang yang tinggal di dalam sesuatu kawasan tempatan jangkitan atau di dalam mana-mana bahagian membenarkan dirinya atau diri mereka—

- (a) dirawat atau diimmunisasi;
- (b) diasingkan, diperhatikan atau diawasi selama tempoh yang ditetapkan mengikut hal keadaan; atau
- (c) dikenakan apa-apa langkah lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai diberi kuasa untuk mengawal penyakit itu.

(4) Adalah sah bagi seseorang pegawai diberi kuasa menggunakan kekerasan, dengan bantuan atau tanpa bantuan, yang perlu dan menggunakan apa-apa cara yang mencukupi untuk memastikan bahawa apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3) dipatuhi.

(5) Mana-mana orang yang enggan mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan.

Orang yang dijangkiti tidak boleh bertindak mengikut cara yang boleh merebakkan penyakit berjangkit

12. (1) Tiada seorang pun yang tahu atau mempunyai sebab untuk percaya bahawa dia menghidap sesuatu penyakit berjangkit boleh mendedahkan orang lain kepada risiko jangkitan melalui kehadiran atau kelakuannya di mana-mana tempat awam atau mana-mana tempat lain yang digunakan bersama-sama oleh orang selain anggota keluarga atau rumahnya sendiri.

(2) Tiada seorang pun yang tahu atau mempunyai sebab untuk percaya bahawa dia menghidap mana-mana penyakit berjangkit yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama boleh melakukan apa-apa perbuatan yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk percaya mungkin membawa kepada merebaknya penyakit berjangkit itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

(4) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi mana-mana orang yang kehadirannya atau kelakuannya di tempat yang disebut dalam subseksyen (1) adalah perlu bagi maksud mendapatkan rawatan perubatan.

Pengawalan barang tercemar dan binatang yang dijangkiti

13. (1) Tiada seorang pun yang tahu atau mempunyai sebab untuk percaya bahawa mana-mana barang telah tercemar atau bahawa mana-mana binatang telah dijangkiti atau tercemar boleh memberikan, meminjamkan, menjual, menghantar, menggunakan atau mendedahkan barang atau binatang itu tanpa pembasmian kuman terlebih dahulu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

(3) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi mana-mana orang yang menghantar, dengan langkah berjaga-jaga yang sepatutnya, apa-apa barang atau binatang supaya barang atau binatang itu dibasmi kuman.

Pengasingan orang yang dijangkiti dan orang yang disyaki

14. Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menyebabkan supaya mana-mana orang yang dijangkiti atau yang dia mempunyai sebab untuk percaya telah dijangkiti oleh sesuatu penyakit berjangkit dipindahkan ke suatu stesen kuarantin bagi rawatan dan boleh menahan orang itu di stesen itu sehingga dia boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang ramai.

Pemerhatian atau pengawasan kontak

15. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh memerintahkan supaya mana-mana kontak menjalani pemerhatian di mana-mana tempat dan bagi apa-apa tempoh yang difikirkannya patut, atau menjalani pengawasan sehingga dia boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang ramai.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai diberi kuasa boleh menggunakan kekerasan yang perlu untuk memastikan perintahnya dipatuhi.

Perintah bagi pemeriksaan mayat

16. Bilamana seseorang pegawai diberi kuasa mengesyaki bahawa seseorang telah mati akibat suatu penyakit berjangkit, dia boleh memerintahkan supaya mayat orang itu dibawa ke sesuatu tempat yang ditetapkannya bagi apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu.

Pengurusan orang mati

17. (1) Jika—

(a) seseorang telah mati atau disyaki telah mati akibat sesuatu penyakit berjangkit; dan

(b) seseorang pegawai diberi kuasa telah memberikan arahan cara-cara mayat orang itu akan dikebumikan atau dibakar,

tiada seorang pun boleh mengebumikan atau membakar mayat itu selain mengikut arahan pegawai diberi kuasa itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Membasmi kuman dan menutup premis

18. (1) Jika seseorang pegawai diberi kuasa mempunyai sebab untuk percaya bahawa telah ada seseorang yang menghidap penyakit berjangkit di mana-mana premis, atau bahawa di mana-mana premis terdapat keadaan yang mungkin menyebabkan bermulanya atau merebaknya apa-apa penyakit berjangkit, dia boleh melakukan mana-mana atau kesemua yang berikut:

(a) memeriksa atau menyebabkan diperiksa mana-mana orang yang berada di premis itu dengan tujuan menentukan jika orang itu menghidap atau telah menghidap sesuatu penyakit berjangkit;

- (b) memeriksa premis itu dan mana-mana barang atau binatang di premis itu dengan tujuan menentukan jika ia tercemar atau dijangkiti, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (c) memerintahkan supaya premis itu atau mana-mana bahagiannya dibasmi kuman, dibasmi serangga atau dibasmi tikus;
- (d) memerintahkan supaya premis itu atau mana-mana bahagiannya ditutup sehingga premis itu dibasmi kuman, dibasmi serangga dan dibasmi tikus dengan sepenuhnya;
- (e) memerintahkan supaya dibasmi kuman segala barang yang tercemar dan binatang yang dijangkiti atau yang tercemar di premis itu, atau, jika barang atau binatang itu tidak berupaya dibasmi kuman dengan sepenuhnya, memerintahkan pemusnahannya; dan
- (f) melakukan apa-apa perbuatan lain bagi mencegah bermulanya atau merebaknya sesuatu penyakit berjangkit.

(2) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh memasuki mana-mana premis pada bila-bila masa bagi maksud menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen (1).

Pemusnahan struktur

19. (1) Seseorang Pegawai Kesihatan boleh memerintahkan pemusnahan apa-apa struktur di mana suatu kes penyakit berjangkit telah berlaku jika struktur itu tidak berupaya dibasmi kuman dengan sepenuhnya.

(2) Pegawai Kesihatan itu hendaklah melaporkan kepada Ketua Pengarah tiap-tiap perintah di bawah subseksyen (1).

Menjual atau menyewakan bangunan yang tercemar

20. (1) Jika seseorang pegawai diberi kuasa berpuas hati bahawa terdapat atau telah terdapat suatu kes penyakit berjangkit di mana-mana bangunan dan bahawa adalah perlu berbuat demikian, pegawai diberi kuasa itu boleh mengeluarkan perintah melarang mana-mana orang menjual atau menyewakan bangunan sedemikian atau mana-mana bahagiannya tanpa perakuan bertulis pegawai diberi kuasa yang memperakui bahawa bangunan sedemikian, atau mana-mana bahagiannya, dan barang-barang di dalamnya—

(a) telah dibasmi kuman sehingga pegawai diberi kuasa itu berpuas hati; atau

(b) tidak perlu dibasmi kuman,

mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar apa-apa perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “menyewakan” termasuklah membenarkan mana-mana orang masuk ke dalam sesuatu rumah tumpangan sebagai penginap berbayar.

Kuasa untuk memerintahkan kenderaan tertentu dibasmi kuman

21. Jika seseorang pegawai diberi kuasa berpuas hati bahawa sesuatu kenderaan telah digunakan untuk membawa seseorang yang menghidap penyakit berjangkit, pegawai diberi kuasa itu boleh menyebabkan kenderaan itu dibasmi kuman.

BAHAGIAN V

KESALAHAN DAN PENALTI

Kesalahan secara amnya

22. Mana-mana orang—

- (a) menghalang atau mengendalakan, atau membantu menghalang atau mengendalakan, mana-mana pegawai diberi kuasa dalam melaksanakan kewajipannya;
- (b) tidak mematuhi apa-apa perintah yang sah yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai diberi kuasa;
- (c) enggan memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki bagi maksud Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat dibawah Akta ini; atau
- (d) apabila dikehendaki memberikan maklumat di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, memberikan maklumat palsu,

melakukan suatu kesalahan.

Pendakwaan

23. Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh hadir di mahkamah dan menjalankan apa-apa pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Penalti am

24. Mana-mana orang yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, yang baginya tiada penalti tertentu diperuntukkan, apabila disabitkan—

- (a) berkenaannya dengan kesalahan pertama, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda atau kedua-duanya;
- (b) berkenaannya dengan kesalahan kedua atau kesalahan berikutnya, boleh dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau didenda atau kedua-duanya;
- (c) berkenaannya dengan kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan.

Mengkompaun kesalahan

25. Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa olehnya bagi maksud ini secara bertulis boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang telah ditetapkan oleh peraturan-peraturan sebagai boleh dikompaun dengan mendapatkan daripada pesalah itu sejumlah wang yang tidak melebihi seribu ringgit.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Rekuisisi premis

26. (1) Bilamana Ketua Pengarah berpendapat adalah perlu bagi melaksanakan mana-mana peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dia boleh secara bertulis memberi kuasa mana-mana pegawai diberi kuasa merekuisisi sementara mana-mana premis selama apa-apa tempoh yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah.

(2) Jika mana-mana premis direkuisisi di bawah subseksyen (1), premis itu hendaklah dibersihkan dan dibasmi kuman sebelum dikembalikan kepada pemunya.

(3) Jika mana-mana premis direkuisisi di bawah subseksyen (1), pemunya hendaklah dibayar pampasan yang dipersetujui di antara pemunya itu dengan Ketua Pengarah atau, jika tiada persetujuan, yang diputuskan melalui timbang tara menurut peruntukan ^{*}Akta Timbang Tara 2005 [*Akta 646*].

Penyitaan dan pelupusan barang tercemar, dsb.

27. (1) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa lain yang diberikan di bawah Akta ini, seseorang pegawai diberi kuasa boleh menyita apa-apa barang yang telah atau mungkin telah tercemar, atau yang mengandungi atau berupa sebagai mengandungi apa-apa organisma atau bahan patogenik, dan boleh menyita apa-apa binatang yang telah atau mungkin telah dijangkiti atau tercemar.

(2) Jika apa-apa barang atau binatang yang disita di bawah subseksyen (1) tidak berupaya dibasmi kuman dengan sepenuhnya dan pemunya atau orang yang dalam miliknya barang atau binatang itu berada semasa penyitaan bersetuju secara bertulis supaya barang atau binatang itu dimusnahkan, maka barang atau binatang itu boleh dimusnahkan atau dilupuskan selainnya sebagaimana yang diarahkah oleh pegawai diberi kuasa itu.

(3) Jika apa-apa barang atau binatang yang disita di bawah subseksyen (1) tidak berupaya dibasmi kuman dengan sepenuhnya dan pemunya atau orang yang di dalam miliknya barang atau binatang itu berada semasa penyitaan tidak bersetuju barang atau binatang itu dimusnahkan, maka pegawai diberi kuasa itu hendaklah memohon kepada Majistret untuk mendapatkan perintah bagi pelupusan barang atau binatang itu dan Majistret boleh membuat perintah yang difikirkannya patut, termasuk perintah pemusnahan barang atau binatang itu, walaupun tiada sesiapa telah dipertuduh atau disabitkan atas apa-apa kesalahan berkaitan dengan barang atau binatang itu.

^{*} CATATAN—Akta Timbang Tara 1952 [*Akta 93*] telah dimansuhkan oleh Akta Timbang Tara 2005 [*Akta 646*] m.b.p 15 Mac 2006—lihat seksyen 51 Akta 646

Mendapatkan kos dan perbelanjaan

28. (1) Kerajaan boleh mendapatkan daripada pemunya mana-mana kenderaan, atau daripada ejen atau pekhidmatnya, apa-apa kos dan perbelanjaan yang dikenakan atau ditanggung oleh Kerajaan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini bagi kesemua atau mana-mana yang berikut:

- (a) pemindahan, layanan perubatan dan penyaraan mana-mana orang yang atau yang disyaki menghidap sesuatu penyakit berjangkit dan yang dipindahkan ke mana-mana hospital atau tempat dari kenderaan itu untuk rawatan perubatan atau untuk pengasingan atau pemerhatian;
- (b) pengebumian atau pembakaran mana-mana orang yang mati akibat penyakit berjangkit di dalam kenderaan itu, atau yang mati akibat penyakit berjangkit selepas dipindahkan ke hospital dari kenderaan itu;
- (c) pembersihan, pembasmian serangga, pembasmian kuman dan pembasmian tikus kenderaan itu atau mana-mana bahagiannya;
- (d) pelupusan barang yang tercemar atau binatang yang dijangkiti atau tercemar di dalam kenderaan itu.

(2) Apa-apa kos atau perbelanjaan yang dikenakan atau ditanggung oleh Kerajaan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh, tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain, didapatkan melalui prosiding sivil sebagai hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

Pengecualian

29. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan—

- (a) mana-mana orang atau golongan orang;

- (b) mana-mana barang;
- (c) mana-mana kenderaan;
- (d) mana-mana mayat, tisu manusia atau bahagiannya;
- (e) mana-mana binatang; atau
- (f) mana-mana organisma atau bahan patogenik,

daripada kuat kuasa mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Menteri boleh, pada membuat perintah di bawah subseksyen (1), mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

Kuasa mengubah Jadual

30. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah dalam *Warta* memotong mana-mana peruntukan atau menambah, mengubah atau meminda peruntukan Jadual Pertama.

Kuasa membuat peraturan-peraturan

31. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan, bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian Malaysia, termasuk lapangan terbang, pelabuhan, perairan pantai dan sempadan daratnya, bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), peraturan di bawah seksyen ini boleh mengadakan peruntukan bagi kesemua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) menubuhkan dan menyenggara kemudahan di darat atau di laut atau di sempadan bersama wilayah berdekatan supaya langkah-langkah kesihatan dikenakan kepada lalu lintas tempatan dan antarabangsa;

- (b) mengawal selia kemasukan dan pergerakan mana-mana kenderaan dan menetapkan langkah-langkah yang kepadanya kenderaan itu akan tertakluk, untuk mencegah bermulanya penyakit berjangkit;
- (c) mengawal selia—
 - (i) kemasukan orang ke dalam Malaysia, pergerakan mereka di dalam dan keberangkatan mereka dari Malaysia;
 - (ii) pengimportan dan pengeksporan barang;
 - (iii) pengimportan dan pengeksporan mayat, tisu manusia atau mana-mana bahagiannya;
 - (iv) pengimportan dan pengeksporan organisma dan bahan patogenik;
- (d) mengawal selia standard kebersihan yang dikehendaki bagi kapal dan pesawat udara yang didaftarkan di Malaysia;
- (e) mengawal selia standard kebersihan yang dikehendaki bagi kapal-kapal dan pesawat udara yang masuk ke Malaysia;
- (f) tugas yang hendaklah dilaksanakan oleh komander dan orang lain yang berada atau telah berada di atas mana-mana kenderaan, atau mereka yang berhasrat untuk menaiki kenderaan itu, untuk mencegah penyakit berjangkit merebak;
- (g) mengawal selia standard kebersihan yang dikehendaki bagi pelabuhan, lapangan terbang dan kawasan sekelilingnya dan standard kesihatan orang yang diambil kerja di tempat itu;
- (h) mengawal selia prosedur kuarantin dan pengurusan stesen kuarantin;

- (i) penahanan, pengasingan dan pemerhatian di sesuatu stesen kuarantin akan orang yang menghidap atau disyaki menghidap sesuatu penyakit berjangkit;
- (j) mengawal selia pencucian dan pembasmian kuman premis—
 - (i) di mana telah terdapat suatu kes atau disyaki terdapat suatu kes penyakit berjangkit; atau
 - (ii) yang disyaki tercemar dengan agen penyakit berjangkit;
- (k) mengawal selia pemindahan dan pembasmian kuman atau pemusnahan barang yang telah atau disyaki tercemar dengan agen penyakit berjangkit;
- (l) mencegah dan mengawal merebaknya jangkitan melalui serangga, rodensia atau binatang lain;
- (m) menetapkan standard kebersihan dan kemudahan kebersihan bagi premis;
- (n) memeriksa premis dan barang di dalamnya;
- (o) mengumpul dan menyampaikan maklumat epidemiologi dan kesihatan dan laporan wajib mengenai penyakit berjangkit;
- (p) menetapkan fi yang akan dibayar di bawah Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (q) pembayaran kepada Kerajaan apa-apa kos dan perbelanjaan yang dikenakan atau ditanggung bagi layanan perubatan dan penyaraan orang yang dipindahkan ke hospital atau stesen kuarantin;
- (r) menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun dan prosedur bagi pengkompaunan;

- (s) menetapkan borang yang akan digunakan di bawah Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (t) apa-apa perkara lain yang pada pendapat Menteri adalah wajar bagi pencegahan atau pengurangan penyakit berjangkit.

Pindaan

32. Enakmen Pesakit Kusta bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu [*N.M.B. Bab. 180*] dipinda dengan memansuhkan seksyen 4, 5, 6, 7, 8, 10, subperenggan 11(iv), seksyen 12, subperenggan 13(ii), seksyen 14, 15, 17, 19, 21 dan 24 dan Jadual kepada Enakmen itu.

Pemansuhan dan kecualian

33. (1) Undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dimansuhkan.

(2) Pemansuhan ini tidaklah menyentuh apa-apa jua yang dilakukan atau dibiarkan dengan wajar atau apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperoleh, terakru atau ditanggung di bawah undang-undang bertulis itu; dan khususnya (tanpa menjejaskan keluasan yang terdahulu) apa-apa perjanjian, pelantikan, kelulusan, jawatan, notis atau pengiktirafan yang dibuat atau diberikan di bawah undang-undang bertulis itu hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan seolah-olah ia telah dibuat atau diberikan di bawah Akta ini.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 2]

PENYAKIT-PENYAKIT BERJANGKIT

BAHAGIAN I

1. Batuk Kokol
2. Campak
3. *Chancroid*
4. Demam Denggi dan Demam Denggi Berdarah
5. Demam Kuning
6. Difteria
7. Disenteri (Semua jenis)
- 7A. Ebola
8. Jangkitan Gonococcal (Semua jenis)
- 8A. Leptospirosis
9. Keracunan Makanan
10. Kolera
11. Kusta
12. Malaria
- 12A. Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD)
13. *Plague*
14. Poliomyelitis (Akut)
15. Rabies
16. *Relapsing Fever*
17. Sifilis (Semua jenis)
18. Tetanus (Semua jenis)
19. Tifoid dan Salmonoses lain
20. Tifus dan Rickettsioses lain
21. Tuberkulosis (Semua jenis)
22. Viral Ensefalitis
23. Viral Hepatitis
24. Apa-apa jangkitan mikrobial lain yang mengancam nyawa

BAHAGIAN II

Human Immunodeficiency Virus Infection (Semua jenis)

JADUAL KEDUA

[Seksyen 33]

PEMANSUHAN

<i>(1)</i> <i>Nombor</i>	<i>(2)</i> <i>Tajuk ringkas</i>
N.M.B. Bab 185	Enakmen Kuarantin
N.M.B. Bab 186	Enakmen Pencegahan Penyakit
N.M.B. Bab 187	Enakmen Tanam Cacar
N.N.S. Ord. 52/1939	Ordinan Kuarantin dan Pencegahan Penyakit 1939
N.N.S. Bab 194	Ordinan Pesakit Kusta
P.T.M. Ord. 56/1950	Ordinan Enakmen Kuarantin dan Pencegahan Penyakit (Pemakan bagi Kedah) 1950
Johor En. No. 9	Enakmen Tanam Cacar
Johor En. No. 122	Enakmen Kuarantin dan Pencegahan Penyakit
Kedah En. No. 124	Undang-Undang No. 124 (Colek Ketumbuh)
Kelantan En. 10/1935	Enakmen Pesakit Kusta
Kelantan En. 5/1939	Enakmen Pencegahan Penyakit
Perlis En. 4/1346	Undang-Undang Kuarantin dan Pencegahan Penyakit 1346
Perlis En. 1/1345	Undang-Undang Kuarantin Padang Besar 1345
Terengganu En. 6/1356 (Disemak Bab 84)	Enakmen Kuarantin dan Pencegahan Penyakit
Akta 52	Akta Pembasmi Malaria 1971-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 342****AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN
PENYAKIT BERJANGKIT 1988****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 181/1995	Perintah Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan Jadual Pertama) 1995	26-05-1995
P.U. (A) 243/1997	Perintah Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan Jadual Pertama) 1997	15-06-1997
P.U. (A) 374/2006	Perintah Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan Jadual Pertama) 2006	12-10-2006
P.U. (A) 408/2010	Perintah Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan Jadual Pertama) 2010	10-12-2010

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 342****AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN
PENYAKIT BERJANGKIT 1988****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Jadual Pertama	P.U. (A) 181/1995	26-05-1995
	P.U. (A) 243/1997	15-06-1997
	P.U. (A) 374/2006	12-10-2006
	P.U. (A) 408/2010	10-12-2010
